

Persatuan derma \$10,000 untuk hospital mata

KUALA LUMPUR, Selasa — Persatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) menderma \$10,000 kepada Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia (MAB) untuk projek Hospital Mata Kebangsaan.

Derma itu disampaikan oleh setiausaha agung NUPW, Dr P.P. Narayanan, kepada presiden MAB, Tun Hussein Onn di ibu pejabat Petronas di sini, hari ini.

Tun Hussein di majlis itu berkata, sumbangan dari NUPW amat berharga dan ini menunjukkan pekerja-pekerja ladang dapat memahami masalah dan penderitaan orang-orang buta.

Menurutnya, sumbangan untuk pembinaan Hospital Mata Kebangsaan bukan hanya bergantung pada orang-orang yang berada dan berpangkat besar, sebaliknya semua peringkat harus turut sama menjayakannya.

Sumbangan NUPW itu adalah derma yang pertama diterima oleh MAB bagi 1984, jelas Tun Hussein.

Dr Narayanan berkata, beliau berharap semua persatuan dan firma swasta di negara ini bekerjasama dengan MAB dalam menubuhkan hospital lima tingkat itu.

Katanya, pekerja-pekerja ladang harus bekerjasama dengan MAB untuk membantu orang-orang buta dan beliau berharap mereka yang ingin menderma menghubungi NUPW.

Hospital Mata Tun Hussein Onn akan dilengkapi dengan segala kemudahan moden dan peralatan pembuatan mata. Hospital berharga \$10 juta itu akan dapat digunakan awal 1986.



Tun Hussein Onn menerima sumbangan NUPW dari presidennya, Dr Narayanan.